

KEPENGARANGAN DALAM DUA SYAIR MENGENAI RAJA DAN PEMERINTAHANNYA PADA ERA KONTEMPORARI

(AUTHORSHIP IN TWO POEMS ABOUT THE KING AND HIS RULE IN THE CONTEMPORARY ERA)

**Rosnani Ibrahim, Muammar Ghaddafi Hanafiah
& Shaiful Bahri Md. Radzi**

Abstrak

Artikel ini membincangkan gaya kepengarangan dua penyair syair Diraja Melayu era kontemporari, Mohd Ibrahim bin Said dan Miskiah binti Masrom. Syair adalah satu daripada wadah pengkaryaan penulis-penulis istana dalam era abad ke-16 hingga penghujung abad ke-19. Pujian dan penceritaan sultan ialah sebahagian daripada corak kepengarangan pada era ini memandangkan penulis mempunyai hubungan yang rapat dengan golongan istana. Walau bagaimanapun, corak kepengarangan sedemikian mula melemah apabila berkembangnya sastera moden sekitar 1900. Namun muncul dua karya, Syair Sultan Azlan Shah Berjiwa Rakyat (2009), Mohd Ibrahim bin Said dan Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar (2018) oleh Miskiah binti Masrom. Kedua-dua penulis ini menjadikan raja sebagai subjek penulisan. Sedangkan zaman kontemporari ini penulis tiada akses ke istana. Selain itu, kedua-dua penulis tidak mempunyai sebarang hubungan dengan pihak istana. Syair Sultan Azlan Shah Berjiwa Rakyat dan Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar ini dijadikan data kajian. Bagi membuktikan bahawa masih wujud corak kepengarangan yang memuji dan memerihalkan golongan istana dalam penulisan teks-teks ini, teori perbandingan sastera digunakan. Kajian kualitatif menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap Syair Sultan Azlan Shah Berjiwa Rakyat dan Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar diaplikasikan. Dapatkan kajian juga menemukan tradisi yang menjadi adat dan kepercayaan adalah skop atau kriteria yang menjadi idea kepengarangan kedua-dua penulis dalam menjulang dan memartabatkan rajanya. Kajian ini adalah untuk menambahkayakan lagi hasil-hasil kajian secara ilmiah yang menggunakan dua karya baharu yang muncul dalam dunia kontemporari. Kajian ini juga merupakan satu proses memartabat dua karya yang sangat berharga.

Kata kunci: Kritikan sastera, kaji banding, kepengarangan, syair diraja, syair kontemporari

Abstract

This article discusses the style of influence of two contemporary-era Royal Malay poets, Mohd Ibrahim bin Said and Miskiah binti Masrom. Syair was one of the platforms of palace writers in the 16th century until the end of the 19th century. The sultan's praise and storytelling are part of the pattern of authorship in this era as the author has a close relationship with the palace faction. However, such a pattern of consumerism began to

weaken when modern literature developed around 1900. However, two works appeared, Syair Sultan Azlan Shah Berjiwa Rakyat (2009), Mohd Ibrahim bin Said and Syair HRH Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar (2018) by Miskiah binti Masrom. Both writers made the king the subject of writing. Whereas in this contemporary era the authors had no access to the palace. Moreover, the two writers did not have any contact with the palace. Syair Sultan Azlan Shah Berjiwa Rakyat and Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar were used as research data. To prove that there is still a pattern of authorship that praises and describes the palace factions in the writing of these texts, literary comparative theory is used. A qualitative study using the method of content analysis on Syair Sultan Azlan Shah Berjiwa Rakyat and Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar was applied. The results show that both texts describe, praise, lift and uphold the king of their respective states. The findings also found that traditions that are customary and beliefs are scopes or criteria that are the ideas of authors' authors in upholding and upholding their king. The study is to further enhance the findings of scientific studies that use two new works that appear in the contemporary world. This study is also a process of upholding two invaluable works.

Keywords: Literary critique, appeals, consumerism, Royal poetry, contemporary poetry.

PENGENALAN

Syair Riwayat Yang Amat Mulia Tengku Ampuan Besar Pahang (1953) ialah karya syair terakhir yang merakamkan sejarah keluarga diraja. Setelah 55 tahun berlalu muncul syair diraja pada era milenium iaitu *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* pada tahun 2009 oleh Ibrahim Mohd Said. 64 tahun kemudian muncul pula *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar* yang dihasilkan oleh Miskiah Masrom pada tahun 2018. Kedua-dua teks syair ini mengangkat sultan negeri masing-masing sebagai subjek penceritaan. Penulis dari negeri Perak, Ibrahim bin Mohd Said, mengangkat Sultan Azlan Shah, manakala Maskiah Masrom, penulis Johor pula menceritakan tentang DYMM Sultan Ibrahim.

Dalam kemelut ketidakyakinan rakyat terhadap golongan raja, lahir rakyat berjiwa besar meletakkan ingatan melalui karya dengan melakarkan semula sejarah, kehebatan dan jasa golongan raja dalam pemerintahan. Kedua-dua penulis syair ini bukanlah dari golongan istana. Mereka juga tidak mempunyai hubungan yang rapat dengan kerabat diraja. Sebaliknya, kedua-dua penulis ini hanyalah seorang rakyat yang bertugas sebagai guru. Pengarang-pengarang ini sama sekali tiada hubungan langsung atau akses dengan pihak istana untuk memerhati ataupun mendapatkan maklumat tentang sultan negeri masing-masing. Namun mereka mampu mengungkap, menggambarkan dan memerihalkan sultan masing-masing dalam syair diraja yang dihasilkan. Persoalannya apakah idea yang digarap oleh kedua-dua pengarang dalam usaha memerihalkan, mengangkat dan menyantun raja dalam karya syair diraja dalam era kontemporari ini? Oleh itu, kajian ini bertujuan ingin meneliti skop atau kriteria yang menjadi idea kepenggarangan bagi kedua-dua teks syair ini. Skop atau kriteria berkenaan dibandingkannya antara keduanya dengan menggunakan kaedah kaji banding.

KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian yang dilakukan terhadap teks-teks syair diraja. Teks *Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga* turut dikaji oleh Muhammad Yusuf Hashim pada tahun 1991. Muhammad Yusuf Hashim menggunakan tiga teks syair yang berkaitan dengan Raja Terengganu, Sultan Zainal Abidin. Tiga teks berkenaan ialah *Riwayat Terengganu Darnul Iman*, *Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga* dan Teks X¹. Kajian beliau adalah bersifat penyelenggaraan dan penganalisisan terhadap tiga buah teks Melayu tradisional syair sebagai wadahnya dan yang bercorak sejarah berhubung negeri Terengganu.

Syair Sultan Almarhum Baginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor dikaji oleh Noriah Mohamed pada 2001. Teks *Syair Almarhum Baginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor* hasil tulisan Na Tian Piet dijadikan teks analisisnya. Kajian luaran teks meliputi pengarang dan kepengarangan serta pentarikhan. Dalaman teks yang melibatkan isian teks, latar belakang Baginda Sultan Abu Bakar, sistem pendidikan di Johor, penampilan unsur Islam, senario kemakmuran negeri Johor. Beliau turut membandingkan teks *Syair Almarhum Baginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor* oleh Na Tian Piet dengan teks Syair Sultan Abu Bakar kajian karya seorang kelana yang berada di Pahang.

Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga Sebuah karya Agung Terengganu hasil penelitian Jelani Harun yang terbitkan dalam Jurnal Iman pada tahun 2015. Hasil penelitian ini untuk membincangkan kekuatan dan kedudukan *Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga* yang mampu untuk meletakkan karya ini sebagai sebuah Karya Agung. Jelani Harun, 2015 telah mengerjakan teks *Hikayat Misa Melayu*. Kajian beliau dilakukan dengan menjalankan proses transliterasi terhadap teks ini. Enam hikayat ini dijadikan landasan kepada beliau dalam proses transliterasinya. Jelani Harun juga turut menjelaskan perbezaan bagi keenam-enam teks hikayat ini. Kajian beliau juga tertumpu kepada sinopsis teks ini.

Zainal Abidin 111 Biografi Sultan yang Adil dan Alim hasil kajian Jelani Harun yang diterbitkan pada tahun 2017. Kajian beliau ini turut menganalisis teks *Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga* untuk penulisan asas biografi Sultan Zainal Abidin III dalam konteks sebagai sultan yang adil dan alim. Hasil kajian ini beliau merumuskan bahawa Sultan Zainal Abidin III adalah pemerintah yang adil dan alim pada zamannya. Kajian-kajian sebelumnya ini tertumpu kepada teks-teks syair diraja yang lahir dalam era 1800 hingga 1900.

Ini bermakna kajian terhadap teks baharu yang lahir dalam era kontemporari ini tidak pernah dikerjakan oleh mana-mana sarjana. Maka kekurangan dan kelompongan inilah yang ingin diisi untuk mengetengahkan satu perbincangan dan teks baharu. Perbandingan berhubung idea kepengarangan antara dua teks syair diraja era kontemporari menjadi analisis kajian.

OBJEKTIF KAJIAN

Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat dan *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar*, dua karya syair baharu dalam era kontemporari. Oleh itu objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti idea, skop atau kriteria yang menjadi idea kepengarangan dan di hurai juga dibincangkan.
2. Membandingkan idea, skop dan kriteria idea kepengarangan bagi kedua-dua karya syair diraja ini.

TEORI DAN PENDEKATAN KAJIAN

Susan Bassnett (1999:20) menjelaskan bahawa Kesusteraan Bandingan itu ialah satu proses pengkaedahan yang digunakan dalam ilmu sains untuk membuat perbandingan atau perbezaan. Perbandingan atau perbezaan ini digunakan sebagai cara untuk mengesahkan sesuatu hipotesis. Sesuatu yang dianggap benar sehingga alasan kebenarannya itu akan dapat dibuktikan. Bersandarkan pernyataan ini, hipotesis kajian, mungkin wujud idea kepengarangan yang sama atau serupa antara dua penulis teks syair diraja yang diteliti, *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* dan *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar*. Dua teks yang menjadikan raja atau sultan bagi negeri masing-masing sebagai pusat penceritaan. Kemungkinan kedua-dua karya ini diolah dengan penggunaan skop atau kriteria yang sama dalam proses mengangkat dan mengagungkan sultan mereka. Hipotesis inilah yang cuba dibuktikan kebenarannya dengan pembacaan berulang ke atas kedua-dua karya. Melalui pembacaan berulang teori perbandingan itu sendiri digunakan untuk mendapatkan bukti kebenaran berdasarkan hipotesis berkenaan. Dalam mencari jawapan ini kaedah kaji banding dijadikan landasan analisis.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian secara kualitatif digunakan dalam kajian ini. Kaedah kualitatif dipilih kerana analisis yang digunakan menggunakan penelitian secara berulang kandungan kedua-dua teks karya ini. Pembacaan rapi dilakukan ke atas dua teks kajian ini. Kajian secara kualitatif dilakukan untuk pemahaman penyampaian idea atau isi cerita daripada teks-teks ini. Bacaan rapi terhadap teks *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* dan *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar* dilakukan untuk mendapatkan maklumat berhubung skop atau kriteria yang menjadi idea kepengarangan yang dijadikan fokus kajian. Kaedah analisis kandungan diaplikasikan bagi mendapatkan maklumat berhubung idea penulisan. Idea penulisan untuk mendapatkan maklumat berhubung kepengarangan kedua-dua penulis dalam memerihalkan dan mengangkat raja bagi negeri masing-masing. Maklumat atau data yang diperoleh, dikumpul untuk dianalisis dengan menggunakan kaedah kaji banding.

DATA KAJIAN

Kajian ini dijalankan terhadap dua buah teks syair iaitu:

1. *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* yang diterbitkan pada tahun 2009 hasil karya Ibrahim Mohd Said.
2. *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar* tulisan Maskiah Masrom dan diterbitkan pada tahun 2018.


JUSTIKASI PEMILIHAN TEKS

Justifikasi pemilihan teks ini, berasaskan kepada garis masa. Zaman kontemporari diletakkan dalam bermula pada tahun 1970 hingga kini. Manakala zaman moden sekitar 1880 hingga 1970. Berpandukan pada garis masa, syair terakhir yang membicarakan sultan atau raja ialah *Syair Riwayat Yang Amat Mulia Tengku Ampuan Besar Pahang* (1953). Karya inilah yang masih berbaki sebelum tradisi persuratan Melayu tradisional ini mati apabila digantikan sastera moden yang memainkan peranan signifikan di arus perdana abad ke-21. Oleh hal yang demikian, maka syair diraja ini *Syair Riwayat Yang Amat Mulia Tengku Ampuan Besar Pahang* tidak berada dalam lingkungan garis masa zaman kontemporari. Memandangkan syair ini lahir dan diterbitkan pada tahun 1953. Sedangkan garis masa zaman kontemporari bermula pada tahun 1971. Berdasarkan penelitian tidak ditemukan karya syair yang menjadikan raja yang hidup sezaman dengan penulis sebagai objek penceritaan dalam tahun-tahun 1970-an hingga 2021. *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* yang ditulis oleh Ibrahim Mohd Said. Diterbitkan pada tahun 2009. *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar* oleh Miskiah binti Masrom yang dihasilkan pada tahun 2018. Dua karya syair yang menjadikan raja sebagai objek penceritaan.

DAPATAN KAJIAN

Tradisi

Adat dan kepercayaan yang menjadi amalan kebiasaan. Adat yang di amal dan dikekalkan. Adat yang diwarisi secara turun temurun. Adat dan kepercayaan ini menjadi suatu amalan yang sebatи dalam diri atau masyarakat. Adat dan kepercayaan itu bukan sahaja dipercayai malah diyakini. “Biar mati anak, jangan mati adat”. Kesediaan berpegang utuh terhadap adat, budaya dan kepercayaan yang diwarisi. Keyakinan bahawa adalah menjadi satu kesalahan jika tidak melaksana dan mengaplikasikan amalan yang sudah dianggap satu tradisi. Justeru, kedua-dua raja bagi negeri Perak dan Johor, Sultan Azlan Shah dan Sultan Ibrahim meyakini bahawa adalah menjadi satu kewajipan menjalankan amalan tradisi yang dimiliki. Regalia dan Beting Beras Basah ialah dua tradisi diraja yang dimuatkan dalam Teks *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat*. Maskiah Masrom pula memuatkan tradisi Latihan Ketenteraan dan “Muafakat membawa berkat” dalam *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar*. “Muafakat membawa berkat” tradisi raja bersama rakyat. Tradisi yang dikekalkan, namun berbeza pendekatan.



Rajah 1. Tradisi dalam Kesultanan Kerajaan Perak-Johor

Regalia

Regalia bermakna alat kebesaran negeri. Jelani Harun (2010:4) menjelaskan bahawa Regalia ialah senarai peralatan yang digunakan dalam adat istiadat. Regalia istana Melayu lazimnya meliputi alatan seperti keris, mahkota, tengkolok, pakaian, nobat, barang perhiasan, tombak dan seumpamanya. Bagi Abdullah Zakaria Ghazali (2011: 209), alat kebesaran ini adalah lambang keagungan, kemegahan dan kehebatan institusi kesultanan. Justeru, Regalia dan Adat istiadat adalah dua elemen yang saling melengkapi. Pelaksanaan adat, regalia adalah sebagai alat pelengkap. Tanpa Regalia, adat dan istiadat diraja menjadi tidak sempurna. Regalia juga merupakan alat kebesaran. Alat kebesaran sangat penting dan bermakna dalam sesebuah kerajaan Melayu. Sebagai sebuah kerajaan Melayu dan pemerintah negeri, Sultan Azlan Shah meneruskan tradisi penggunaan alat kebesaran ini.

Regalia yang dimiliki oleh Sultan Perak adalah warisan daripada Kerajaan Melayu Melaka. Memandangkan kerajaan negeri Perak tidak memiliki sultan menyebabkan para pembesar negeri bersepakat untuk mendapatkan pemerintah bagi kerajaan negeri ini. Tun Saban dan Nakhoda Kassim mewakili legasi kerajaan negeri Perak ke Kampar untuk tujuan berkenaan. Pertemuan dengan Sultan Mahmud Shah di Kampar, membawa kepada lantikan Sultan Muzaffar Shah sebagai Sultan negeri Perak. Raja Muzaffar dijemput oleh wakil orang-orang Perak iaitu Tun Saban dan Nakhoda Kassim (M.A. Fawzi Basri 1986: 15). Justeru, kerajaan Perak mempunyai hubungan dengan Kerajaan Melaka sewaktu di bawah pemerintahan Sultan Mahmud Shah. Dengan izin ayandanya Raja Muzaffar berangkat ke Perak.

Sudah disebut suatu awalan,
Negeri Perak mandangan Sultan,
Berangkatlah orang satu angkatan,
“Kampar” perginya mencari Duli Yang Dipertuan.

Pembesar pergi dalamnya angkatan,
Ketuanya bernama Tun Saban²,
Nakhoda Kassim menyediakan ‘kapalan’
Belayarlah mereka menuju haluan.

Mengikut peri perjalanan cerita,
 Perihal Perak mencari ‘Raja’
 Rombongan Tun Saban sampailah tiba,
 Dengan Mahmud Sultan terus berjumpa,

(*Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* R 991, 992 & 995)

Sebelum keberangkatan Raja Muzaffar, Sultan Mahmud Shah telah menyerahkan Regalia kepada anakandanya. Penyerahan Regalia sebagai batu tanda bahawa pemerintah negeri Perak adalah nasab dengan keturunan Kesultanan Melayu Melaka. Ketibaan Sultan Muzaffar Shah disambut oleh orang-orang Perak di Kuala Sungai Perak. Pada 1528, Sultan Muzaffar Shah ditabalkan menjadi pemerintah kerajaan negeri Perak. Sultan Muzaffar Shah, Sultan Perak Pertama yang dikenali sebagai ‘Marhum Tanah Abang’ dimakamkan di Teluk Bakung (Malim Ghazali PK 2011: 12). Sultan Muzaffar Shah memerintah kerajaan Negeri Perak selama 21 tahun. Pada tahun 1549 baginda mangkat dan dimakamkan di Tanah Abang Perak. Pemerintah negeri Perak seterusnya digantikan oleh anakandanya Raja Mansor.

Berkenanlah baginda segala permintaan,
 Sahlah sudah Muzaffar Shah Sultan,
 Keturunannya bersemayam di Bukit Chandan,
 Regalia kebesaran berada di tangan.

Kalau mengikut jalan cerita,
 Megat Terawis mengikut serta,
 Berangkatlah mereka ke Perak dengan segera,
 Negeri Perak pun mempunyai raja.

(*Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* R1012 & 1014)

Regalia diraja juga ialah himpunan alatan kebesaran. Alatan kebesaran yang digunakan untuk tujuan-tujuan tertentu. Pergata, Pedang Cura Si Manis Kini, keris, warkah berciri, nobat dan cop berlakri. Enam alatan kebesaran ini yang dibawa oleh Sultan Muzaffar Shah ke Perak seperti yang dinukilkhan dalam teks *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat*. Pernyataan ini dilihat selari dengan kajian Raja Iskandar Raja Halid yang menyatakan bahawa:

“... after the fall of Melaka to the Portuguese in 1511, Sultan Mahmud Shah, the last sultan, moved south to Johor with his family. The fate of the Melaka state regalia, including the nobat instruments, is still unknown, the instruments could have been carried along.

(Raja Iskandar Raja Halid 2018: 28)

Alatan regalia ini juga dapat merujuk kepada perkakasan kerajaan. Perkakasan Kerajaan bermaksud alatan yang merupakan satu kumpulan barang-barang lama disimpan sebagai pusaka turun temurun (M.A.Fawzi Basri 1986:189-193). Perkakasan kerajaan ini disimpan di bilik khas dan dijaga rapi oleh pegawai-pegawai (Bentara-bentara). Perkakasan kerajaan ini termasuklah Pedang Cura Si Manja Kini, Keris Taming Sari (Keris Hang Tuah), Surat Ciri, Mohor Kecil Cop Halilintar, Geliga Embun, Rantai Bunga Nyior, Pontoh Ular Lidi, Dokoh dan Kancing Halkah.

Pergata alatan kebesaran negeri,
 Pedang Cura Si Manis Kini,
 Sebilah keris dan warkah berciri,
 Alatan nobat dan ‘cop berlakeri’

(*Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* R1013)

Alatan regalia atau perkakas kerajaan ini mempunyai fungsi dan kegunaan. Abdullah Zakaria bin Ghazali (2011: 209) menjelaskan bahawa alatan ini berperanan untuk penyempurnaan upacara rasmi kesultanan. Upacara rasmi kesultanan seperti pertabalan dan pemahkotaan, sambutan ulang tahun keputeraan, penganugerahan darjah dan juga bintang kebesaran negeri. Dalam istiadat pertabalan negeri Perak, raja akan ditabalkan sebanyak 3 kali. Pertama, Tabal Kerajaan, menggelarkan Sultan, Tabal Adat dan ketiga Bersiram Tabal. Dalam ketiga-tiga pertabalan ini alatan regalia akan digunakan. Terutama dalam Tabal Kerajaan Menggelarkan Sultan³. Penganugerahan darjah dan bintang kebesaran negeri akan meletakkan alatan regalia itu dalam gelarannya. Sebagai contoh darjah kebesaran negeri perak Yang Amat Mulia Cura Si Manja Kini dengan gelaran Dato' Seri Paduka Cura Si Manja Kini (S.P.C.M). Darjah Taming Sari Negeri Perak Yang Amat Perkasa: Dato' Seri Panglima Taming Sari (S.P.T.S).

Amalan dan pegangan adalah satu tradisi dan satu tanggungjawab. Amalan dan pegangan adalah satu amanah yang harus dilunaskan serta dikekalkan untuk kelangsungan. Tujuan adalah untuk kebaikan kepada generasi dan keturunan. Inilah antara konsep yang menjadi pegangan baginda Sultan Azlan Shah. Lantaran itu, penggunaan regalia dalam acara-acara diraja terus bagindakekalkan. Tegasnya, inilah pujian dan sanjungan penulis kepada Sultan Azlan Shah. Penulis menyanyung rajanya melalui skop tradisi ini dengan menghubungkan ketaatan, sikap amanah dan tanggungjawab baginda terhadap penggunaan alat kebesaran diraja iaitu regalia. Baginda tidak menidakkan keperluan penggunaan alatan kebesaran ini dengan acara-acara diraja. Biarpun baginda seorang yang berpendidikan tinggi. Baginda juga tidak menganggap bahawa penggunaan alatan kebesaran ini sebagai satu cara yang ketinggalan zaman dan perlu diperbaharui.

“Muafakat itu Berkat”

Jika di Perak tradisi yang terus dikekalkan, di amal dan dilunaskan ialah penggunaan regalianya, Kesultanan Johor pula terus mengekalkan tradisi moto “Muafakat itu berkat”, Sultan Azlan Shah mengekalkan tradisi regalianya dalam urusan pengurusan dan pentadbiran. Sultan Ibrahim mengekalkan tradisi ayahandanya dengan terus menggunakan motto “muafakat itu berkat” dalam kelangsungan pemerintahan (2011: 268).

Ajaran Islam teras pentadbiran,
“Muafakat itu Berkat” jadi pegangan,
Moto diguna agar lebih berkesan,
Dalam pentadbiran juga pengurusan.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R59*)

“Muafakat itu berkat” Moto warisan menjadi pegangan dan amalan. Muafakat raja dengan rakyat. Rakyat diibaratkan sebagai akar dan raja itu adalah pohnnya. Sultan Ibrahim mewarisi dan mengamalkan sifat paduka moyang baginda. Merentas benua memperkuuh perdagangan antarabangsa dan pengiktirafan politik. Tujuan yang sama namun berbeza cara. Untuk meneruskan tradisi ini, Sultan Ibrahim merangka satu program. Program Kembara Mahkota. Bertemakan frasa “Mesra Rakyat”. Dua objektif Kembara Mahkota. Pertama penjelajahan ke seluruh pelosok negeri. Kedua bertemu, bermesra, mengetahui dan bertindak. Baginda bertemu dengan rakyat dan menyantuni mereka. Titah baginda dalam teks Kembara Mahkota Johor tempoh 2001-2018 bagi Program Kembara Mahkota Johor adalah satu kesinambungan yang dirancang serta sangat penting khususnya kepada amalan dan tradisi Kesultanan Johor Moden. Damping rakyat adalah matlamat utama program ini. Saya datang ke desa dan kampung halaman di seluruh negeri untuk ambil tahu kehidupan rakyat saya (Anon 2018:1). Tegasnya, melalui Kembara Mahkota Sultan Ibrahim dapat mengetahui kehidupan rakyat naungannya. Justeru, baginda dapat bertindak untuk menghulur bantuan bagi menambah baik kehidupan rakyat di bawahnya. Abdul Rahim Ramli memuji sifat mulia Sultan Ibrahim ini dalam teksnya *Kemahkotaan DYMM Sultan Ibrahim Sultan Johor* kerana:

Baginda mengilhamkan Program Kembara Mahkota pada 2001, menjadikan baginda satu-satunya raja Melayu yang mempunyai institusi bagi kembara tahunan untuk bertemu dan bermesra dengan rakyat baginda. Sifat ini diwarisi daripada paduka nenda moyang baginda yang menjelajah merentas benua untuk memperkuuh perdagangan antarabangsa dan medapat pengiktirafan politik. Semasa menjadi Tunku Mahkota dan kemudinnya pemangku Raja, baginda menjelajah ke seluruh pelosok negeri, bertemu dan bermesra dengan rakyat baginda sambil mengambil tahu tentang kebijakan mereka dan menghulurkan bantuan bagi menambah baik kehidupan mereka.

(Abdul Rahim Ramli 2017: xvii)

Teks *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar* mengkhususkan satu topik berhubung Kembara Mahkota ini. 224 rangkap syair diperuntukkan dalam mengupas perjalanan Program Kembara Mahkota dengan tajuk Syair Kembara Mahkota Johor. Perjalanan kembara yang bermula 2001 hingga 2017 dijadikan inti penulisan syair ini. Selama 17 tahun program Kembara Mahkota ini baginda kekalkan. Pelbagai isu rakyat dibawa dan diketengahkan. Isu pendidikan, kesihatan, ekonomi, sukan dan rekreasi, kebudayaan, agama dan keselamatan. Semuanya untuk rakyat. Kembara Mahkota pertama pada 2 hingga 4 Julai. Dengan tema “Mesra Rakyat” Perjalanan sejauh 870km dengan bermotosikal. Lokasi dijelajahi Pontian, Penggeram, Kampung Temiang, Segamat, Kluang dan Mersing. Rakyat yang disasarkan yatim piatu dan orang kurang upaya.

Kembara pertama telah diadakan,
Bulan Julai bulan pilihan,
Dua puluh motosikal dilibatkan,
Tujuh daerah dalam lawatan.

Dataran Segamat dijenguk juga,
Pameran motosikal juga kereta,
Yatim piatu dan orang kurang upaya,
Diberi bantuan oleh baginda.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar* R402 & 418)

Kembara Mahkota kedua, 25 hingga 28 Mac 2002. Membawa tema yang sama “mesra rakyat” Kawasan perkampungan jadi sasaran. Perkampungan di Endau, Simpang Renggam, Kluang, Segamat, Pontian dan Muar diteroka. Bermotosikal dengan perjalanan sejauh 900 kilometer. Perkampungan Felda Air Tawar 5, Kampung Triang, Pengkalan Batu, Kampung Lukut, Kampung Raja Pagoh dan Kampung Orang Asli. Sukan rakyat, pertandingan memasak, membina rumah untuk rakyat, berzanji dan bercukur jambul, antara aktiviti yang baginda lakukan bersama-sama dengan rakyat. Diikuti Kembara Ketiga, 8 hingga 11 Mei 2003. Sembilan daerah telah dijelajah dengan perjalanan sejauh 111 kilometer secara bermotosikal dengan 30 jumlah peserta. Kampung Kelantan, Kota Tinggi, Kampung Paya Mengkuang, Kampung Sri Lalang, Kahang, Penjara Simpang, Sungai Badang, Dataran Bandar Raya. Isu pendidikan menjadi keutamaan kembara ini. Pelajar menjadi golongan rakyat yang disasarkan dalam kembara ketiga ini. Sumbangan berbentuk basikal, pakaian dan komputer diberikan kepada pelajar sekolah kebangsaan, jenis kebangsaan dan sekolah agama.

Kembara Mahkota edisi kedua,
Bulan Mac tahun berikutnya,
Perjalanan meredah 900 kilometer,
Jaguh nan dipilih buatan Malaysia.

Pengkalan Batu baginda kunjung,
Usaha membina rumah kampung,
Tenaga dipadu tampung menampung,
Budi baik Tuanku tidak terhitung.

Kini Kembara edisi ketiga,
Bulan Mei pada tahun 2003,
Sembilan daerah dalam agenda,
116 kilometer jaraknya.

Lima sekolah dilawati baginda,
Sekolah Cina dan sekolah agama,
Sekolah Kebangsaan tidak dilupa,
Pendidikan watan agenda utama.

Banyak sumbangan diberikan,
Basikal, komputer juga pakaian,
Tuanku amat memberikan perhatian,
Demi menjaga akan kebajikan.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R427, 436,449,451 &452*)

Kembara keempat dan kelima. 26 hingga 29 Februari 2004 dan 23 hingga 26 Jun 2005. Kembara keempat menyasarkan sembilan daerah yang dilawati. Masih mengekalkan tema “mesra rakyat” dengan penjelajahan secara bermotosikal. Pontian, Batu Pahat, Tanjung Piai, Parit Raja, Parit Yusuf, Segamat, Muar, Kluang, Mersing dan Kulai. Program perasmian masjid, stadium dan bangunan menjadi agenda utama kembara keempat ini. Kembara keenam menyasarkan program kesihatan untuk rakyat. Aktiviti derma darah dan perasmian pusat hemodialisis di bandar Segamat dan Pontian. 14 hingga 17 September 2006 melibatkan seratus peserta. Kembara Mahkota terbesar setakat ini dengan melibatkan kerabat diraja, pegawai kerajaan dan pihak media serta unit sokongan. Fokus kepada belia dan kesihatan. Jarak penjelajahan sejauh 916 kilometer. Bermula di Kota Tinggi dan berakhir di Kulai.

Kembara Mahkota edisi keempat,
Bulan Februari pada tahun 2004,
Peluang bermesra dengan rakyat,
Sembilan daerah Tuanku melawat,

Kembara Mahkota tahun kelima,
Masih dikekalkan banyak perkara,
Motosikal diguna untuk kembara,
“Mesra rakyat kekal temanya.

Kembara keenam ada perubahan,
Seratus peserta telah dilibatkan,
Kerabat Diraja dan pegawai kerajaan,
Termasuk media dan unit sokongan.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R465, 480 & 483*)

27 hingga 29 Julai 2007, 24 hingga 27 Julai 2008 dan 4 hingga 7 Julai 2009. Kembara Mahkota yang ketujuh, kelapan dan kesembilan. Kembara Mahkota ketujuh sedikit kelainan dengan menjadikan empat pulau di Johor sebagai lokasi pengembalaan. Pulau-pulau di Mersing menjadi pusat penjelajahan kali ini. Pulau Pemanggil, Pulau Tinggi, Pulau Aur dan Pulau Sibu Besar menjadi lokasi kembara. Kembara kelapan dengan menyasarkan penyerahan tanah kepada penduduk di Labis. Ratusan ekar tanah diserahkan kepada penduduk untuk menjadi hak milik tetap. Skim Pembangunan Kesejahteraan dirangka untuk pembinaan rumah kepada penduduk di Kampung Perpat. Kembara kesembilan berbeza tema. “Mesra rakyat pedalaman” menjadi tema baharu. Sebelas kampung Orang Asli dijelajah pada kembara kesembilan ini. Misi yang sama penyerahan sumbangan kebajikan diberikan kepada masyarakat Orang Asli.

“Mesra rakyat pedalaman” temanya,
1030 kilometer itulah cabarannya,
Sebelas kampung jadi tujuannya,
Bukti Orang Asli tak pernah dilupa.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R514*)

Kembara kesepuluh, kesebelas dan kedua belas. 26 hingga 28 Jun 2010, 18 hingga 21 Jun 2011 dan 13 hingga 17 Mei 2012. Kembara Mahkota kesepuluh menyaksikan kehebatan Sultan Ibrahim mengendalikan kereta api Lokomotif 1002. Setiap lokasi yang dilalui sepanjang perjalanan Johor Bahru Sentral ke ibu negara menjadi tinjauan baginda. Sebarang kekurangan yang terdapat pada lokasi yang dilalui harus diambil perhatian dan tindakan. Kembara kesebelas pada 18 hingga 21 Jun 2011. Kembara yang menekankan isu pendidikan dan kesihatan untuk rakyat. Pelancaran Pusat Hemodialisis dilancarkan di Bandar Tekstil Ledang. “Kempen Jom Ganyang Aedes” dirasmikan. Penyerahan kerusi roda kepada golongan kurang upaya, penyerahan kunci rumah kepada mangsa kebakaran, pemberian bantuan untuk golongan miskin dan anak yatim. Perasmian Sekolah Pendidikan Khas juga antara aktiviti kembara pada kali ini. Kembara 13 hingga 17 Mei 2012. Kembara yang lebih santai. Untuk mendekati rakyat, aktiviti pertandingan dan pameran masakan serta makanan menjadi penyambung hubungan. Makanan tradisi Johor menjadi tema. Bubur lambuk, nasi ambang dan sambal kicap untuk cicahan pisang goreng. Pertandingan mencipta tema kembara dengan ganjaran wang tunai RM500 menjadi taruhan. Diikuti Kembara Mahkota 24 hingga 26 Ogos 2013. Pelengkap kepada kembara bagi tahun sebelumnya.

Bermalam di pedalaman ingin dicuba,
Satu pengalaman cukup berharga,
Tuanku merasai hidup rakyat jelata,
Jauh berbeza kemewahan istana.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R566*)

Kembara Mahkota edisi seterusnya. 21 hingga 23 Jun 2014. Kembara kali ini berbeza cara pengangkutan. Jika sebelumnya, baginda menjadikan motosikal, kereta, bot dan keretapi. Kali ini baginda membawa bas istimewa. Sebagai tempat kediaman baginda. Dengan menjadikan kawasan pedalaman untuk bermalam. Baginda dapat menikmati keindahan alam dan dalam pada masa yang sama dapat merasai situasi dan cara hidup rakyat pada malam hari. Di samping aktiviti lain seperti promosi “satu produk satu daerah” dilancarkan dengan penjualan pelbagai produk di setiap lokasi persinggahan. Diikuti juga kempen kesihatan gaya hidup sihat dengan “Bebas Asap Rokok” Pertandingan melibatkan golongan raja dan rakyat turut dijalankan. Kembara 10 hingga 13 Ogos 2015. Kembara untuk memberi kesedaran kepada rakyat bahayanya kanser. Kembara ini telah melancarkan satu yayasan iaitu Yayasan Kanser Tunku Laksamana.

14 hingga 17 Mei 2016. Kembara Mahkota yang menggunakan trak mewah. Tark Mack yang ditempah khas dari Australia. Kembara ini menyaksikan permaisuri, putera dan puteri serta menantu turut dibawa serta. Kembara terakhir 9 hingga 12 September 2017. Kembara terakhir baginda. Kembara selanjutnya akan digagas oleh Tunku Mahkota anakanda baginda. Kembara terakhir ini diiringi Menteri Besar Johor. Mersing lokasi untuk baginda memacak Logo Majlis Bandaraya. Mersing akan menjadi tarikan minat para penyelam. Kembara terakhir ini juga diiringi seluruh ahli keluarga baginda. Mereka juga turut mengambil bahagian dalam setiap aktiviti.

“Inilah kembara terakhir saya,
Lepas ini diterajui Tuanku Mahkota”,
Walaupun sebak amat terasa,
Namun Tuanku menitahkannya menirahkannya.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R604*)

Tuntasnya, program Kembara Mahkota yang dirangka jelas misinya. Meneruskan tradisi raja. Meneruskan tradisi sifat paduka nenda moyang baginda. Menjelajah benua memperkuuh hubungan antarabangsa. Legasi ini diteruskan baginda Sultan Ibrahim dengan menjelajah ke seluruh pelosok yang ada di negeri Johor. Objektif jelas dibawa dengan tema ‘Mesra rakyat’ Pernyataan Abdul Rahim Ramli mengukuh kenyataan ini. Dalam teksnya Pemahkotaan DYMM Sultan Ibrahim Sultan Johor.

Baginda membawa bersama-sama harapan rakyat termasuk komputer peribadi, enjin motobot, pukat, mesin jahit, mesin dialisis, kerusi roda, basikal, pakaian, hamper makanan dan derma wang tunai yang kebanyakannya ialah sumbangan peribadi baginda, dan selain penderma-penderma yang prihatin. Suasana tak formal tanpa protokol Sultan dan keluarga baginda menggalakkan rakyat bermesra dengan baginda dan keluarga baginda. DYMM sering bermalam di dalam khemah berhampiran rumah-rumah kampung dan bersama-sama bersantap masakan ringkas yang tipikal dalam kehidupan di kampung. Baginda duduk di lantai bersila sambil bersila menikmati makanan dengan warga tua kampung. Kembara Mahkota membolehkan baginda menyelami perasaan rakyat baginda dan mengukur sejauh mana projek-projek pembangunan kerajaan memberi manfaat kepada rakyat. DYMM bersusah payah membuat bangsa Johor hidup harmoni dan saling memahami di negeri yang bermaruah sebagaimana yang digambarkan dalam cogan kata keluarga diraja “Muafakat itu Berkat”

Abdul Rahim Ramli 2017: xvii)

Beting Beras Basah

Seterusnya dalam konteks tradisi kedua negeri Perak iaitu tradisi Beting Beras Basah⁴. Tradisi dan adat. Dua elemen yang saling berkait. Pertabalan pemerintah negeri Perak melibatkan tradisi dan adat. Bermula dengan Tabal Kerajaan, diikuti Tabal Adat, kemudian Tabal Pusaka dan terakhir menziarahi makam-makam diraja serta Beting Beras Basah⁵. Beting Beras Basah ialah sebuah kawasan yang muncul akibat timbunan pasir atau lumpur. Timbunan pasir atau lumpur yang terhasil secara memanjang di kuala sungai atau laut. Situasi ini menyebabkan kawasan berkenaan tidak akan dapat dilalui oleh kapal. Beting ini menjadi penghalang kepada laluan para pelayar. Beting ini memberi satu peristiwa bersejarah dalam konteks kewujudan kesultanan Perak yang pertama. Menurut sejarah, keberangkatan tiba Sultan Muzaffar Shah disambut oleh orang-orang Perak di Beting Beras Basah ini. Beting Beras Basah ini terletak di kuala Sungai Perak. Sewaktu baginda Sultan Muzaffar Shah mudik di Sungai Perak, kapal baginda tersangkut di Beting Beras Basah ini. Dalam keadaan demikian, baginda dikatakan berseru⁶ dengan menyatakan sekiranya, baginda adalah pemerintah atau raja berdaulat diharap dapat lepas dari tersangkutnya kapal ini daripada cengkaman beting berkenaan M.A.Fawzi (2016: 10). Seruan baginda seperti berikut:

“Selilit Tanah Minagkabau
Selengkung Pulau Perca
Dilingkungi ularsakti muna
Sebenarnya aku menjadi Raja
Jauhkan akau segera mala petaka
Perpisahan akau di Selat Melaka.


Dengan berseru sedemikian, kapal baginda terlepas daripada cengkaman beting berkenaan. Sejak peristiwa berkenaan maka mana-mana Raja Muda yang bakal di tabal menjadi Sultan Perak, menjadi satu tradisi untuk berkunjung ke beting berkenaan. Beting ini memberi kesan kepada pengekalan tradisi bagi pemerintah Kerajaan negeri Perak.

Kepercayaan moyang-orang-orang tua,
Beting Beras Basah ada kaitannya jua,
Kediaman tinggal ‘jin’ dan ‘bota’,
Kawasan ‘misteri’ perkampungan mereka.

Beting Beras Basah mempunyai lagenda,
 Kediaman ‘Bunian’-jin Kerajaan Penjaga,
 Sempena pertabalan Sultan Sri Paduka,
 Beting Beras Basah tidak boleh dilupa.

(*Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjaya Rakyat R910 & 912*)

Menurut tradisi pertabalan Beting Beras Basah⁷ akan menjadi kawasan terakhir yang diziarahi oleh bakal raja atau sultan bagi negeri ini. Setelah melalui tiga proses sebelumnya. Menziarahi makam-makam diraja yang bermula dari bahagian Hulu Sungai Perak diikuti Makam Diraja Bukit Chandan.⁸ Kemudian sultan dan permaisuri akan menaiki Balai Gambang yang bernama Cempaka Sari untuk menziarahi makam-makam diraja di sepanjang Sungai Perak. Setiap makam yang diziarahi akan diadakan majlis bacaan doa selamat dan kenduri arwah. Setelah itu, upacara pertabalan ini diteruskan ke Beting Beras Basah. Beting Beras Basah ini ialah tempat mula-mula Sultan Muzaffar Shah, Sultan yang pertama negeri Perak ini berhenti. Tatkala baginda baharu sampai dari Kampar Sumatera pada tahun 1528. Tegasnya, proses pertabalan seorang raja bagi negeri Perak seperti rajah berikut.



Rajah 2. Proses Pertabalan Sultan Perak

Tradisi di Beting ini diteruskan dengan raja atau sultan perlu mencelupkan kaki ke betting ini. Tradisi “mencelup kaki” di Beting Beras Basah dilakukan baginda Sultan Azlan Shah ketika proses pertabalan baginda sebagai Sultan Perak pada tahun 1984. Tradisi “mencelup kaki” ke betting ini diteruskan pula oleh anakanda baginda Raja Nazrin. Raja Nazrin Shah telah dilantik sebagai Sultan Perak menggantikan ayahanda baginda yang mangkat. Istiadat ini dilakukan mengikut protokol diraja dan penuh istiadat pada tahun 2015. Adat “cecah kaki” di Beting Beras Basah ini dilaksanakan dengan penuh adat istiadat Kesultanan Perak oleh DYMM Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bersempena dengan istiadat pertabalan baginda sebagai sultan Perak yang ke-35 pada bulan Mei 2015. Istiadat diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Orang Kaya-Kaya Imam paduka Tian, Datuk Dr. Afifi al-Akiti (Jelani Harun 2018: 107-107).

Latihan Ketenteraan

Sultan Ibrahim, Sultan Johor pula mengekalkan tradisi keluarga diraja melalui latihan ketenteraan. Latihan ketenteraan perlu dijalani oleh setiap Tengku Mahkota sebelum bergelar pemerintah kerajaan Johor. Latihan ketenteraan harus diikuti oleh bakal raja. Atau lebih tepat bakal raja yang akan dilantik menjadi peneraju pemerintahan negeri Johor. Latihan ketenteraan bakal diikuti oleh bakal raja atau sultan bagi negeri Johor atas dua faktor utama⁹. Sahsiah dan disiplin. Dua elemen yang tidak boleh dikesampingkan untuk menjadi pemimpin yang disanjung tinggi oleh rakyat. Abdul Rahim Ramli menyungguhkan pernyataan ini dalam tulisannya Kemahkotaan DYMM Sultan Ibrahim Sultan Johor. Katanya baginda perlu mengikut jejak langkah paduka nenda moyang bakal raja dengan menerima latihan dan pendidikan akademik, ketenteraan dan pentadbiran awam yang bertujuan membentuk asas pengetahuan, ketabahan, disiplin dan akhlak mulia. Yang diperlukan dalam menjalankan tugas-tugas raja memerintah negeri (2017: xvi). Teks syair ini turut memuatkan adat dan tradisi ini.

Sultan Johor bakal miliknya,
Pemerintah sekian takluknya,
Dipersiapkan diri untuk waktunya,
Ilmu tentera pilihan ayahandanya.

Bakal raja mestilah tegas,
Siap siaga bertindak tangkas,
Latihan tentera terlalu keras,
Semua diharung lalu digalas.

(Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R22 & 23)

Latihan ketenteraan darat, udara dan laut perlu dilalui baginda. Untuk melalui proses ini, pusat-pusat ketenteraan yang khusus dalam bidang berkenaan perlu dipelajari, difahami, dijalankan. Akhirnya, ilmu-ilmu berkenaan perlu diperaktikkan dalam menjalani kehidupan sebagai pemerintah negeri atau raja. Bermula di Pusat Latihan Tentera Darat (PULADA), baginda mengikuti Latihan Taktikal Pegawai Muda. Setelah berjaya menerima gelaran Ketua Platun, baginda meneruskan latihan ketenteraan di Amerika Syarikat. Di Fort Benning, Georgia Amerika Syarikat ini latihan Kurus Pegawai Muda baginda ikuti iaitu kursus *Airborne dan Ranger*. Kursus ini telah melayakkan baginda menerima Sayap Penerjun atau dikenali juga sebagai *Jump Wings*.

Di PULADA enam purnama,
Berhujan berpanas jadi biasa,
Latihan kawad ditekuni setia,
Disiplinkan diri cara tentera.

Georgia Amerika telah didatangi,
Fort Benning tempat disertai,
Pusat latihan tentera infantri,
Diasas Wiison sejak dulu lagi.

(Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R24 & 26)

Setelah tamat latihan di Fort Benning, baginda kembali semula ke negara Eropah berkenaan setelah pulang ke Johor selama dua bulan. Kali ini ke Fort Bragg, Carolina Utara. Baginda mengikuti Kursus US Army Special Officers. Di pusat latihan, baginda menjalani teknik penerjunan payung terjun. Baginda perlu melakukan 19 terjunan. Lapan daripadanya perlu baginda lakukan pada waktu malam. Hasil kegigihan ini, baginda berjaya merangkul “Beret Hijau” dan “Sayap Komando Berprestij” Baginda juga turut dilantik sebagai anggota SEAL (Pasukan Laut dan Darat). Kejayaan ini telah menarik minat negara Indonesia terhadap kehebatan baginda. Oleh itu, Indonesia telah mengundang baginda sebagai tetamu Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Tentera Darat. Di

Indonesia, baginda melakukan satu penerjunan payung terjun di Bandung. Hasil kejayaan ini pihak kerajaan Indonesia telah menganugerahkan baginda sebagai sayap penerjun dan seterusnya dilantik sebagai anggota kehormat Komando Pasukan Khusus Indonesia (KOMPASSUS).

Gigih berlatih semasa latihan,
Sebelas kali melakukan terjunan,
Siang malam tiada dihiraukan,
Sayap Komando jadi idaman.

Di Bandung juga lakukan penerjunan,
Terserlah bukti akan keberanian,
Ahli KOPASSUS lalu ditauliahkan,
Anggota SEAL yang handalan.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R29 & 30*)

Baginda dilantik sebagai Timbalan Pegawai Memerintah Askar Timbalan Setia Negeri (ATSN). Pasukan ketenteraan negeri Johor yang ditubuhkan pada tahun 1886. Ditubuhkan oleh Sultan Abu Bakar. Pasukan yang berfungsi untuk menjaga keselamatan atau melindungi Kerajaan Johor dari serangan musuh. Di bawah pasukan ini Sultan Ibrahim mengikuti latihan tentera udara. Baginda mengikuti latihan di bawah bimbingan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Baginda mengikuti latihan sebagai juruterbang pelatih helikopter. Baginda diberi peluang membuat penerbangan solo kerana pencapaian baginda yang cemerlang serta atas ketekunan yang ditunjukkan. Abdul Rahim Ramli menyatakan bahawa baginda lulus sebagai juruterbang helikopter satu ambilan lebih awal daripada rakan-rakan baginda yang lain (2017: xvi). 26 April 1982 baginda telah dipakaikan sayap oleh ayahanda baginda Sultan Iskandar dalam perbarisan tamat latihan yang diketuai oleh baginda sendiri.

Memacu helikopter dicuba juga,
Bersama Tentera Udara Diraja,
Menimba ilmu sangat berharga,
Di Kluang sejarah telah dicipta.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R32*)

Terakhir, baginda mengikuti latihan selama tiga bulan di Pangkalan Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) yang berpangkalan di Lumut. Tamat latihan di sini, bermakna baginda berjaya menjalani latihan ketenteraan darat, udara dan laut. Oleh itu, baginda merupakan pegawai tentera darat, udara dan laut yang terlatih sepenuhnya. Untuk memperlengkap ilmu baginda perlu pula mengikuti kursus-kursus pengurusan pentadbiran awam.

Lengkaplah ilmu baginda kuasai,
Tentera, perundangan juga diplomasi,
Bakal raja buat Johor nan jauhari,
Pemimpin berdaulat rakyat junjungi.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R36*)

Anakanda baginda Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim merupakan Tengku Mahkota Johor meneruskan tradisi ini. Tuanku Ismail perlu mengikuti latihan ketenteraan. Tunku Ismail mengikuti latihan ketenteraan di India. Sebuah pusat latihan ketenteraan yang terkemuka di India. Seperti yang dijelaskan oleh Abdul Rahim Ramli (2017: xxviii):

17 Julai 2003 hingga 11 Disember 2004 baginda mengikuti latihan ketenteraan di India. Akademi Tentera India di Dehradun, sebuah akademi latihan ketenteraan yang terkemuka di India, sebagai pegawai kadet. Disember 2004, baginda dipakaikan pangkat Leutenant dan

diserap ke Rejimen 61 Kavalri Tentera India. Tiga tahun kemudian baginda dinaikkan pangkat Kapten. DYMM Tunku Ismail putera raja Melayu pertama yang menyertai tentera India.

Pernyataan ini turut dikemukakan oleh penulis teks syair ini. Penulis juga mengemukakan bahawa Tunku Ismail meneruskan tradisi latihan ketenteraan dengan menyertai beberapa kursus latihan ketenteraan sebelum dimasyhurkan sebagai Tunku Mahkota Johor. Oleh itu, pada 17 Julai 2003 hingga 11 Disember 2004, baginda memasuki Akademi Tentera India di Dehradun, sebuah akademi latihan ketenteraan yang terkemuka di India. Baginda juga menyertai Kursus Khas di Pusat latihan Komando Kem Iskandar pada 14 Julai 2008 hingga 23 September 2008. Kemudian baginda menyertai kursus payung terjun di PULAPAK. Tunku Ismail merupakan Tunku Mahkota Johor yang dimasyhurkan oleh DYMM Sultan Ibrahim pada 28 Januari 2010 (Abdul Rahim Ramli (2013:45). Jawatan Tunku Mahkota Johor yang diberikan kepada Tunku Ismail bermakna sah menjadi waris takhta kerajaan. Setelah baginda Tunku Ismail berjaya menamatkan beberapa latihan ketenteraan sebagai tradisi yang perlu baginda lakukan.

Akademi pertama di Dehradun,
Berbagai ilmu telah diadun,
Mahir berkawad inform sedondon,
Menunggang kuda kaki berayun.

Tahun sama sejarah ditempa,
Tuanku menjadi putera pertama,
Diterima menyertai tentera India,
Kerabat diraja berasa bangga.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R144 & 147*)

Jika Beting Beras Basah menjadi tradisi yang dilestarikan oleh anakanda baginda Sultan Azlan Shah, Raja Nazrin Shah, begitu juga dengan Tunku Ismail anakanda Sultan Ibrahim. Tunku Ismail, bakal Tengku Mahkota meneruskan tradisi latihan ketenteraan ini. Tunku Ismail perlu mengikuti jejak langkah paduka nenda dan paduka ayahanda baginda supaya mendapatkan latihan ketenteraan sebelum dimasyhurkan sebagai Tengku Mahkota. Justeru, Tunku Ismail memasuki Akademi Tentera India di Dehradun, sebuah akademi latihan ketenteraan yang terkemuka di India selama setahun (2017: xxviii). Tunku Ismail juga mengikuti kursus khas ketenteraan dan kursus penerjunan. Kursus yang memerlukan latihan membuat terjunan dari aras ketinggian dengan menggunakan payung terjun.

KESIMPULAN

Tradisi yang diwarisi diteruskan dan dikekalkan. Sultan Azlan Shah dengan alatan regalia. Alatan yang menjadi lambang kebesaran kesultanan kerajaan negeri Perak. Alatan kebesaran yang diwarisi dari sebuah kesultanan Melayu Melaka. Justeru, alatan kebesaran ini dikekalkan penggunaannya oleh pemerintah Perak ke-34 ini. Alatan ini berperanan untuk penyempurnaan upacara rasmi kesultanan. Upacara rasmi kesultanan seperti pertabalan dan pemahkotaan, sambutan ulang tahun keputeraan, penganugerahan darjah dan juga bintang kebesaran negeri. Sultan Ibrahim pula meneruskan tradisi moto “Muafakat itu berkat.” Muafakat raja dengan rakyat. Rakyat ibarat akar. Raja itu pohonnya. Mewarisi dan mengamalkan sifat paduka moyang baginda. Merentas benua memperkuuh perdagangan antarabangsa dan pengiktirafan politik. Tujuan yang sama, berbeza cara. Untuk meneruskan tradisi ini, Sultan Ibrahim merangka satu program. Program Kembara Mahkota. Bertemakan frasa “Mesra Rakyat” dua objektif Kembara Mahkota. Pertama penjelajahan ke seluruh pelosok negeri. Kedua bertemu, bermesra, mengetahui dan bertindak. Bertemu dengan rakyat dan menyantuni mereka.

Sultan Azlan dan Raja Nazrin melestarikan Tradisi Beting Beras Basah ini. Raja atau sultan perlu mencelupkan kaki ke beting ini. Tradisi “mencelup kaki” di Beting Beras Basah dilakukan setelah dilantik sebagai Sultan Perak. Beting Beras Basah ini dikunjungi apabila seseorang sultan itu

telah melalui tiga proses iaitu menziarahi makam-makam diraja bermula dari bahagian Hulu Sungai Perak diikuti Makam Diraja Bukit Chandan. Sesudah itu sultan dan permaisuri akan menaiki Cempaka Sari untuk menziarahi terletak makam-makam diraja di sepanjang Sungai Perak. Kemudian diikuti upacara pertabalan ini ke Beting Beras Basah. Sultan Ibrahim dan Tunku Ismail melesterikan tradisi Latihan Ketenteraan. Sebelum dilantik menjadi Tungku Mahkota, latihan ketenteraan yang ketat dan terlatih perlu dilalui. Latihan ketenteraan di pusat-pusat latihan ketenteraan terkemuka di dunia menjadi lokasi latihan putera raja Johor.

RUJUKAN

- Abdulah Zakaria Ghazali & Mohd Radzi Ahmad. 2011. *Perak, Warisan, Budaya dan Sejarah*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.
- Abdul Rahim Ramli. 2011. *Sejarah Adat Istiadat Diraja Johor*. Johor Bahru: Penerbit UTM Pres.
- Abdul Rahim Ramli. 2013. *Adat Istiadat Kesultanan Johor Moden 1855-2012*. Johor Bahru: Penerbit UTM Pres.
- Abdul Rahim Ramli. 2017. *Kemahkotaan DYMM Sultan Ibrahim Sultan Johor*. Kuala Lumpur: Penerbit UTM Press.
- Anon. 2018. *Kembara Mahkota Johor 2001-2018*. Johor: Johor Corporation.
- Ibrahim Mohd Said. 2006. *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjaya Rakyat*. Kuala Lumpur: Jabatan Arkib Negara.
- Jelani Harun. 2010. *Perbandingan Adat Istiadat Kesultanan Melayu-Jepun Berdasarkan Naskhab Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. 2015. *Hikayat Misa Melayu Raja Chulan ibni Raja Hamid*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Jelani Harun. 2015. Jurnal Iman. *Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga Sebuah karya Agung Terengganu*.
- Jelani Harun. 2017. *Zainal Abidin 111 Biografi Sultan Yang Adil dan Alim*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. 2018. *Raja Haji Yahya Dalam Sejarah Kesusastraan Melayu Abad ke-20*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- M.A.Fawzi Basri. 1986. *Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.
- M.A Fawzi Basri. 2016. *Cempaka Sari Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Kuantan: Penerbit Geroda Merah Press.
- Meor Ahmad Tajuddin Meor Mazlan. 2005. *Tun Sab'an dan Pembesar Melayu Perak*. Perak: Yayasan Perak.
- Maskiah Masrom. 2018. *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar*. Johor Bahru: Jabatan DiRaja Johor, Istana Besar.
- Muhamamad Yusuf Hashim. 1991. *Terengganu Darul Iman Tradisi Pensejarahan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- N. Malim Ghozali PK. 2011. *Kampung-kampung Tersohor di Sepanjang Sungai Perak*. Perak: Institut Datul Ridzuan.
- Noriah Mohamed. 2001. *Syair Almarhum Baginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor*. Johor: Yayasan Warisan Johor.
- Raja Iskandar bin Raja Halid. 2018. *The Royal Nobat of Perak*. Kelantan: Universiti Malaysia Kelantan.
- Susan Bassnett. 1999. *Pengenalan Kritis Kesusastraan Bandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rosnani Ibrahim

Putus Penyelidikan Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu (BAYU)

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM

E-mail: rosanie74@gmail.com.

Muammar Ghaddafi Hanafiah, Ph.D
 Pusat Penyelidikan Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BAYU)
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM
 E-mail: muammar@ukm.edu.my

Shaiful Bahri Md. Radzi, Ph.D
 Pusat Penyelidikan Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BAYU)
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM
 E-mail: sbmr@ukm.edu.my

Diserahkan: 1 September 2021

Diterima: 15 November 2021

Diterbitkan: 15 Disember 2021

¹ Menurut Mohd Yusuf Hashim, teks C ini tidak dapat diberi sebarang judul kerana bahagian awal dan akhir teks ni telah hilang. Jika dibandingkan dengan teks A dan teks B. Jelas tertulis tajuk teks masing-masing. (1991: 56)

³ Ketika proses pertabalan ini, Pawang Diraja akan menatang Pedang Cura Si manja Kini dan dibawa mengadap kepada sultan. Sultan akan menerima pedang ini dan menghunusnya sebelum dikucup. Kemudian Toh Nara Diraja tanpa menyembah, menghadap serta mempersesembahkan Mestika Embun juga menyunting Cap Halilintar ke telinga sultan dengan membisikkan “Rahsia Nasab Sultan”. Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja seterusnya mengisyiharkan pemasyhuran pertabalan sultan. Seterusnya, Orang Kaya Temenggung Paduka Raja mengangkat sembah dan berseru “Daulat Tuanku” 3 kali berturut-turut. Diikuti nobat tabal dibunyikan serta diiringi tembakan meriam sebanyak 21 das. (Abdullah Zakaria bin Ghazali, 2011: 2019-215).

⁴ Menurut Jelani Harun (2018: 110), Beting Beras Basah ini secara tidak langsung telah mempopularkan Daerah Batu Gajah kepada masyarakat luar. Kawasan ini bukan sahaja dipelihara dengan baik malah kemudahan awam di sini turut dipertingkatkan. Sebuah jambatan batu telah dibina untuk memudahkan pengunjung melakukan ziarah budaya di lokasi ini. Selain itu, tempat ini juga telah mendapat perhatian dan diselia oleh pihak berwajib untuk tujuan keselamatan dan penambahbaikan. Secara tidak langsung, kawasan pantainya yang bersih akan terpelihara dari pencemaran dan kawasan pantai ini tidak akan digangu gugat keasliannya sebagai kawasan adat Istiadat raja-raja bagi negeri Perak. Lokasi ini juga dibangunkan sebagai satu lokasi pelancongan bagi negeri Perak.

⁵ Asal usul nama bagi Beting Beras Basah ini masih menjadi satu persoalan. Persoalan sama ada beting ini telah wujud dari awal atau wujudnya bermula dengan kehadiran Sultan Mudzafar Shah ke negeri Perak pada tahun 1528. Beting ini dikatakan adalah satu tempat bagi penduduk setempat mendapatkan sumber makanan laut iaitu kepah. Menurut cerita masyarakat setempat beting ini pernah dinamakan sebagai Tanjung Beras Basah. Hal ini memungkinkan bahawa Beting Beras Basah ini wujud pada awalnya dengan nama Tanjung Beras Basah (Jelani Harun 2018: 107)

⁶ Terdapat perbezaan seruan Sultan Muzaffar Shah di Beting Beras Basah ini antara M.A.Fawzi (2016: 10) dan Meor Ahmad Tajuddin bin Meor Azlan (2005: 6). Meor Ahmad Tajudin menulis seruan Sultan Muzaffar Shah seperti berikut “Selengkong Tanah Minangkabau, selilit Pulau Percha, Dilengkong ular SiKatimuna, Perpisahan Selat Melaka, Jika sah beta Raja berdaulat, lepaslah beta sekalian dari malapetaka.

⁷ Jin yang menjaga beting ini dinamakan “Sultan pahlawan Chakera Dunia”. Jin ini dikatakan jin yang ke-20 daripada 36 jenis jin yang ada. Jin ini juga dikatakan jin yang menunggang permata sakti dan juga jin yang juga merupakan “Raja di Bering Beras Basah” (Jelani Harun, 2018: 104).

⁸ Sehari selepas Tabal Adat, dilakukan pula Istiadat tabal Pusaka dan hari berikutnya Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri serta pengiring-pengiring Baginda berdua akan menziarahi Makam Di-Raja di seluruh negeri Perak. Antaranya termasuklah Makam Tok Temong, Makam Kota Lama Kanan, Makam Sayong, Makam Di-Raja Bukit Chandan dan Makam Teja. Kemudian baginda berdua akan berangkat menaiki Balai Gambang bernama “Cempaka Sari” lalu

menghikir menziarahi makam marhum-marhum terdahulu yang dimakamkan di sepanjang Sungai Perak hingga ke Teluk Intan. Selepas mendarat di teluk Intan Duli Yang Maha Mulia Seri Sultan akan kemudiannya berangkat ke Beting Beras Basah. Sementara Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri akan beristirahat di teluk Intan dengan membawa bersama-sama Baginda Alat-alat Perkakas Kerajaan. Mengikut Adat kaum wanita tidak boleh berserta Paduka Seri Sultan ke Beting Beras Basah dan alat-alat Perkakas Kerajaan tidak boleh di bawa ke laut. (Anon, 1985: 20)-Teks *Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Azlan Muhibbuddin Shah ibni Almarhum Sultan Yusuff Izzuddin Ghafarullah-lahu Shah.*

⁹ Dua faktor lain melibatkan pengetahuan dan kesabaran. Disiplin dan akhlak diutamakan dalam perbincangan ini untuk penyesuaian dengan topik tradisi yang dibincangkan.